SESI TAKLIMAT PRA PENDAFTARAN DAN PRA UNDIAN PETAK NIAGA BAZAR RAMADAN BAGI TAHUN 2027 / 1448H

MAJLIS PERBANDARAN KULIM

PEMAKLUMAN

Permohonan tapak Bazar Ramadan Tahun 2027 / 1448H hendaklah dibuat secara dalam talian (online) sahaja melalui sistem e-Lesen MPKK.

Pihak Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) akan mengadakan sesi taklimat pra pendaftaran dan pra undian petak niaga kepada semua permohon seperti jadual yang ditetapkan.

Permohonan yang berminat adalah digalakkan untuk hadir bagi mendapatkan penerangan berkaitan proses permohonan, syarat-syarat serta kaedah undian petak niaga.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK DIMUAT NAIK DALAM SISTEM

A. PEMOHON

- Kad Pengenalan
- Gambar pemohon bersaiz pasport
- Sijil Kursus Pengendalian Makanan
- Kad / Buku Suntikan Typhoid (kad/buku suntikan typhoid aktif hingga akhir Ramadan)

B. PEMBANTU

- Kad Pengenalan
- Gambar pembantu bersaiz pasport
- Kad / Buku Suntikan Typhoid (kad/buku suntikan typhoid aktif hingga akhir Ramadan)

SILA IMBAS UNTUK PENDAFTARAN BAZAR RAMADAN BERMULA **03 NOVEMBER 2026**

(kod QR Pendaftaran)

JADUAL SESI TAKLIMAT

BAZAR DALAM BANDAR

TARIKH	MASA	LOKASI
03 November 2026 (Selasa)	9.00 pagi 1.00 tengah hari	Kelang Lama, Taman Mahsuri, Padang Serai, Stesen Bas Padang Serai
04 November 2026 (Rabu)	9.00 pagi 1.00 tengah hari	Kulim, Taman Selasih, Taman Sang Kancil
05 November 2026 (Khamis)	9.00 pagi	Taman Mutiara, Taman Desa Aman, Taman Lobak, Taman Sena, Taman Bandar Permata Lunas, Taman Cinta Sayang

LOKASI TAKLIMAT : DEWAN BANDARAN, MAJLIS PERBANDARAN KULIM

PERMOHONAN LESEN DAN BAYARAN

Permohonan lesen serta pembayaran boleh dibuat secara dalam talian melalui:

http://elesen.mpkk.gov.my

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

04-432 5225

Unit Peniaga Kecil / Penjaja
Jabatan Kesihatan Persekitaran
Majlis Perbandaran Kulim



KADAR BAYARAN

1. TAPAK BIDAAN (KELANG LAMA)

Makanan dan Minuman	RM 400.00
Berasap dan Bersampah (Tebu, Kelapa, Bakar)	RM 450.00
Kenaikan minimum bidaaan:	RM 50.00

2. TAPAK BIASA

Jenis jualan makanan / minuman	RM 450.00
Jenis jualan menghasilkan sisa, berasap / bersampah (Tebu, Kelapa, Bakar)	RM 600.00
LESEN LUAR BANDAR	RM 200.00 / Khemah

BAZAR LUAR BANDAR

Lokasi terlibat :

- Taman Anggerik
- Taman Aman
- Taman Serai Wangi Fasa 1
- Taman Tiong
- Taman Seri Mahkota
- Mahang
- Junjung
- Merbau Pulas
- Karangan
- Kampung Bukit Sidam



04 - 432 5225 | www.mpkk.gov.my | majlis perbandaran kulim | majlis perbandaran kulim | mpkulim | mp_kulim

6.2 i


LOKASI
BAZAR
DALAM
BANDAR
1 KELANG LAMA
2 PADANG SERAI
3 TAMAN MAHSURI
4 TAMAN SELASIH
5 TAMAN LOBAK
6 TAMAN DESA AMAN
13 STESEN BAS PADANG SERAI
12 TAMAN DESA CINTA SAYANG
11 TAMAN SENA
10 TAMAN SANG KANCIL
9 TAMAN BANDAR PERMATA LUNAS
8 TAMAN MUTIARA
7 KULIM

6.2 ii

LOKASI BAZAR LUAR BANDAR

1. TAMAN TIONG
2. MERBAU PULAS
3. SIDAM
4. TAMAN AMAN
5. KARANGAN
6. MAHANG
7. JUNJONG
8. TAMAN ANGGERIK
9. TAMAN SERAI WANGI FASA I
10. TAMAN SERI MAHKOTA

JUMLAH PETAK BAZAR RAMADAN 2027

BIL	LOKASI BAZAR	JUMLAH PETAK
1A	KELANG LAMA (TAPAK BIDAAN)	116
1B	KELANG LAMA (TAPAK BIASA)	26
2	KULIM	142
3	TAMAN SELASIH	142
4	PADANG SERAI	102
5	STESEN BAS PADANG SERAI	23
6	TAMAN MAHSURI	100
7	TAMAN MUTIARA	113
8	TAMAN LOBAK	86
9	TAMAN SANG KANCIL	89
10	TAMAN SENA	62
11	TAMAN DESA AMAN	50
12	TAMAN DESA CINTA SAYANG	58
13	TAMAN BANDAR PERMATA LUNAS	27
	JUMLAH	1136

6.4

TARIKH PENDAFTARAN LESEN BAZAR RAMADAN

MAJLIS PERBANDARAN KULIM 2027 / 1448H

(SECARA DALAM TALIAN)

MOHON SECARA ONLINE MELALUI e-Lesen MPKK



MAKLUMAT PENTING

1. Bermula jam 09.00 pagi, **11 November 2026 (Rabu)** sehingga jam 04.00 petang, **1 Disember 2026 (Selasa)**
2. Setiap permohonan dikehendaki mengemukakan satu permohonan sahaja semasa pendaftaran
3. Nombor lot petak akan ditentukan oleh sistem
4. Pihak Majlis berhak menutup permohonan lebih awal sekiranya tapak telah penuh.
5. Lesen Bazar Ramadan Luar Bandar belum dimohon bermula **11 November 2026**

TARIKH BIDAAN DAN MENGUNDI PETAK BAZAR RAMADAN SECARA DALAM TALIAN

BIL	LOKASI BAZAR DALAM BANDAR	TARIKH	MASA	TEMPAT
1	KELANG LAMA - BIDAAN	11/11/2026 - 13/11/2026 **(14/11/2026 - KEPUTUSAN)**	09.00 PAGI HINGGA 04.00 PETANG	ATAS TALIAN (ONLINE)
	KELANG LAMA - BIDAAN KALI KE-2 (Jika masih saki kekosongan)	29/11/2026 & 30/11/2026 **(01/12/2026 - KEPUTUSAN)**		
2	KELANG LAMA BIASA	16/11/2026 & 17/11/2026 **(18/11/2026 - KEPUTUSAN)**		
3	TAMAN MAHSURI			
4	PADANG SERAI			
5	STESEN BAS PADANG SERAI			
6	KULIM	19/11/2026 - 20/11/2026 **(21/11/2026 - KEPUTUSAN)**		
7	TAMAN SELASIH			
8	TAMAN SANG KANCIL			
9	TAMAN MUTIARA	23/11/2026 - 25/11/2026 **(26/11/2026 - KEPUTUSAN)**		
10	TAMAN DESA AMAN			
11	TAMAN LOBAK			
12	TAMAN SENA			
13	TAMAN BANDAR PERMATA LUNAS			
14	TAMAN DESA CINTA SAYANG			

MASA UNDIAN : 9.00 PAGI SEHINGGA 4.00 PETANG

KAEDAH : DALAM TALIAN (ONLINE)

SILA AMBIL PERHATIAN JADUAL TARIKH MENGUNDI PETAK BAZAR

04-4325225 | majlis perbandaran kulim | majlis perbandaran kulim | majlis perbandaran kulim | mpkkulim | mpkkulim

6.5 i

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN BAZAR RAMADAN

MAJLIS PERBANDARAN KULIM 2027 / 1448 H

SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

1. Warganegara Malaysia dan berumur **18 tahun ke atas.**
2. Pemohon **WAJIB** membuat pendaftaran dalam talian untuk mendapatkan **Pas Bazar.**
3. Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk memohon **satu lokasi** bazar sahaja.
4. Salinan asal kad pengenalan pemohon depan dan belakang **hendaklah dimuatnaik di dalam sistem lesen mpkk.**
5. Pemohon telah menyertai Kursus Pengendalian Makanan di bawah mana-mana agensi yang diiktiraf dan salinan asal sijil / kad pengendalian makanan **hendaklah dimuatnaik di dalam Sistem lesem mpkk.**
6. Pemohon telah mendapat **suntikan TY2** bagi permohonan yang dibuat dan surat / kad suntikan TY2 asal **hendaklah dimuatnaik di dalam Sistem lesen mpkk.**
7. **Suntikan TY2** boleh diperolehi di mana-mana **klinik swasta** dan mesti sah untuk digunakan semasa bulan Ramadhan 2026.
8. Setiap pemohon **digalakkan** mendaftarkan seorang pembantu, warganegara Malaysia dan berumur **18 tahun keatas.**
9. Pembantu **bukan warganegara** Malaysia adalah tidak dibenarkan walaupun mempunyai hubungan suami / isteri kepada pemohon.
10. Pembantu wajib mempunyai **suntikan TY2** dan salinan asal suntikan **hendaklah dimuatnaik di dalam Sistem lesen mpkk.**

*** Pihak Majlis hanya menerima permohonan secara **DALAM TALIAN** yang lengkap dengan **DI MUATNAIK** salinan dokumen yang diperlukan.

6.5 ii.

SYARAT JENIS JUALAN BAZAR RAMADAN 2027

1. Makanan dan minuman untuk juadah berbuka puasa sahaja. **(PENJUALAN MERCUN TIDAK DIBENARKAN)**

2. Lesen akan dibatalkan sekiranya peniaga didapati tidak menjalankan perniagaan di tapak selama lima (3) hari berturut-turut tanpa sebarang notis kepada Pihak Majlis.

3. Penggunaan alas adalah diwajibkan bagi jenis jualan berbakar / bergoreng, air Kelapa / 'coconut shake' / tebu dan ayam / kambing golek.

4. Setiap peniaga yang menjalankan perniagaan di tapak Bazar Ramadhan Majlis Perbandaran Kulim hendaklah mempunyai **lesen yang sah.**

5. Lesen hendaklah dipamerkan semasa menjalankan perniagaan dan tidak boleh dipindahmilik, disewa atau dijual.

6. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan mengikut keterangan yang tertera di dalam lesen dan di petak yang telah ditetapkan.

7. Mestilah menggunakan khemah yang berukuran **10' x 10'** mengikut saiz petak yang disediakan untuk 1 petak.

8. Penggunaan bekas makanan dan minuman polistirena adalah tidak dibenarkan. Jualan minuman mestilah tanpa straw melainkan diminta. Peniaga dinasihatkan untuk menggunakan pembungkus makanan yang mesra alam atau yang boleh dikitar semula.

9. Digalakkan menjalankan urusniaga dengan **kaedah transaksi tanpa tunai** (cashless) dengan pembeli.

10. Kebersihan dan keselamatan makanan:

   A. Setiap peniaga / pembantu hendaklah menggunakan ***HAND SANITIZER*** dan **DIGALAKKAN** memakai **FACEMASK**.

   B. Peniaga / pembantu yang mempunyai gejala batuk dan selsema **TIDAK** dibenarkan berada di Tapak Bazar Ramadan.

   C. Peniaga / pembantu **TIDAK** dibenarkan mengendali makanan sekiranya tidak sihat atau mempunyai simptom sakit / penyakit.

   D. Hendaklah sentiasa menjaga kebersihan petak dengan menguruskan segala sampah sarap dengan sendiri dan dimasukkan ke dalam karung plastik / guni / jaras dan hendaklah dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan (diuruskan sendiri oleh peniaga).

   E. Semua pemegang lesen dan pembantu hendaklah memakai tudung kepala dan **apron.**

   F. Mestilah menggunakan penyepit, sudu atau garpu untuk mengambil makanan, **penggunaan tangan adalah tidak digalakkan sama sekali.**

11. Pihak **MPKK** tidak akan bertanggungjawab ke atas keselamatan, kerosakan, kerugian, kemalangan dan lain-lain perkara yang berlaku semasa Bazar berlangsung.

12. **Pihak MPKK tanpa sebarang notis** boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat ke atas peniaga.

SPESIFIKASI FOTO PEMOHON DAN PEMBANTU

1 Warna latar

- Latar belakang foto **MESTI** berwarna **biru/putih** sahaja tanpa bayang. Latar belakang menggunakan warna lain tidak akan diterima.

2 Warna Pakaian


- Pakaian **berwarna gelap** serta menutupi bahu dan dada

3 Pemohon Perempuan

- Bagi pemohon perempuan hendaklah memakai **tudung kepala atau hijab** yang berwarna gelap dan tidak boleh menutup muka.

4 Contoh

- Sila lihat gambar contoh untuk keterangan lanjut. **Permohonan yang tidak menepati spesifikasi & syarat tidak akan diproses dan akan menyebabkan kelewatan.**



Contoh Gambar Betul atau Diterima



CONTOH DOKUMEN SOKONGAN
PERMOHONAN LESEN BAZAR RAMADAN
MAJLIS PERBANDARAN KULIM 2027 / 1448H

1 CONTOH SALINAN KAD PENGENALAN
(Dimuatnaik di dalam sistem Permohonan eLesen MPKK)





Contoh Salinan Kad Pengenalan yang dimuatnaik di dalam sistem Permohonan elesen mpkk.

2 CONTOH SIJIL KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN
(Yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM))



3 CONTOH KAD VAKSIN TY2
(Atau mana-mana syarikat yang diperakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM))



KADAR BAYARAN PENDAFTARAN ONLINE
E-BAZAR MPKK

1. Setiap permohonan dikenakan bayaran proses sebanyak **RM10.00 (ID Pass).**



2. Bayaran Lesen Bazar Ramadan mestilah dibuat secara dalam talian selepas mendapat pemberitahuan ***(EMAIL)*** keputusan undian nombor petak bazar.



3. Jika pemohon gagal membuat bayaran lesen bazar dalam masa **24 jam**, maka nombor petak bazar tersebut akan **DIBATALKAN.**



TATACARA PERMOHONAN LESEN ONLINE
TAPAK BAZAR RAMADAN 2027
(DALAM BANDAR & LUAR BANDAR)

DIQIH TECH
–SIMPLY REDEFINE–

Proses Undian E-Bazar (Tapak Biasa) Bazar Ramadan

MULA

1 Peniaga Daftar Akaun Dalam Sistem e-Lesen

2 Peniaga hantar dokumen (online) untuk dapatkan Pas Bazar Ramadan Tapak Biasa Bersama fi permohonan (ditentukan oleh pihak MPKK)

3 Peniaga Yang Layak, akan dapat notifikasi kelayakan, Tarikh Permohonan & Pas Mohon Bazar Ramadan

4 Peniaga menggunakan Pas untuk membuat permohonan (tempoh permohonan ditentukan oleh pihak MPKK)

Pas hanya boleh digunakan untuk 1 lokasi sahaja pada waktu yang sama.
Lokasi Luar Bandar – Harga mengikut Bilangan khemah)

5 Selesai Permohonan, pihak MPKK akan membuat **Undian** secara Online (Sistem) untuk pembahagian petak secara rawak untuk **Lokasi Bandar sahaja**

Lokasi Luar Bandar (Auto Assign Lot – First Come First Serve)

6 Peniaga yang berjaya akan menerima notifikasi untuk membuat penerimaan dan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak MPKK

Pemohon yang gagal, boleh menggunakan pas yang sama untuk lokasi seterusnya

7 Petak yang tiada penerimaan & pembayaran / petak yang kosong, akan dibuka semula untuk permohonan kali ke-2

8 Setelah pembayaran di buat, peniaga boleh cetak Lesen

TAMAT

TATACARA PERMOHONAN BIDAAN ONLINE
TAPAK BAZAR RAMADAN KELANG LAMA 2027

DIQIH TECH
SIMPLY REDEFINE

Proses Bidaan E-Bazar (e-Bida) Bazar Ramadan

MULA

1. Peniaga Daftar Akaun Dalam Sistem e-Lesen
2. Peniaga hantar dokumen (online) untuk dapatkan Pas Bida Bazaar Ramadan Tapak Biasa (ditentukan oleh pihak MPKK)
3. Peniaga Yang Layak, akan dapat notifikasi kelayakan, Tarikh Bidaan & Pas Bida
4. Bidaan Secara Online (Tiada had bidaan – Petak / Harga)
5. Peniaga yang membida amaun paling tinggi (maksimum 2 petak) akan menjadi pemenang bida
6. Pembida yang menang akan menerima notifikasi untuk membuat penerimaan dan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak MPKK
7. Petak yang tiada penerimaan & pembayaran akan diberikan kepada pembida yang amaun ke-2 tertinggi

   Petak yang tiada pemenang, akan di buka untuk bidaan - kali ke-2 atau dibuka sebagai tapak biasa (amaun akan ditetapkan oleh pihak MPKK)
8. Setelah pembayaran di buat, peniaga boleh cetak Lesen

TAMAT